

Maybank QRPay Soundbox

Soalan Lazim (FAQ)

Soalan	Jawapan
Apakah itu Maybank QRPay Soundbox ("Soundbox")?	<p>Soundbox ialah peranti yang mempunyai paparan audio dan visual bagi pembayaran yang berjaya diterima melalui Maybank QRPay. Setiap kali anda menerima pembayaran, Soundbox akan mengumumkan jumlah dalam bahasa pilihan anda dan memaparkan jumlah tersebut pada skrin.</p> <p>Anda boleh memilih Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris atau Bahasa Cina (Mandarin) untuk pengumuman tersebut.</p>
Mengapa saya perlu mendapatkan Soundbox?	<p>Soundbox memberikan anda ketenangan minda dengan mengumumkan dan memaparkan setiap amaun pembayaran yang anda terima. Ini akan memastikan bahawa jumlah yang anda terima adalah tepat, tulen, dan untuk mengelakkan resit palsu oleh penipu.</p>
Bagaimanakah cara untuk memesan Soundbox?	<p>Anda boleh memesannya melalui aplikasi MAE > Sama-Sama Lokal. Ikuti langkah di bawah untuk melengkapkan pesanan anda:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Lancarkan aplikasi MAE anda2. Pergi ke Sama-Sama Lokal3. Cari "Naga Plus Resources"4. Pilih Soundbox yang dikehendaki5. Semak butiran dan teruskan pembayaran
Siapakah Naga Plus Resources Sdn Bhd?	<p>Naga Plus Resources Sdn Bhd ("Vendor") ialah vendor sah untuk Soundbox. Maybank tidak menjual, menghantar Soundbox dan menyediakan sokongan teknikal kepada pedagang kami. Penghantaran, penggunaan dan penyelenggaraan Soundbox akan dipenuhi oleh Vendor.</p>
Apakah yang berlaku selepas saya membuat pesanan Soundbox dan bilakah saya akan menerima Soundbox?	<p>Anda boleh menjangkakan perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Panggilan telefon daripada Vendor bagi mendapatkan ID pedagang anda untuk konfigurasi Soundbox (diikuti dengan langkah 2 di bawah) dan untuk mengesahkan alamat penghantaran anda. Sila jawab panggilan telefon dan berikan maklumat yang sewajarnya.2. Permintaan integrasi pada aplikasi Maybank QRPayBiz anda yang akan dimulakan selepas langkah 1 di atas. Sila luluskan permintaan tersebut.3. Setelah melengkapkan langkah di atas, Vendor akan mengatur penghantaran Soundbox melalui perkhidmatan kurier. <p>Keseluruhan proses daripada langkah 1 hingga 3 di atas harus diselesaikan dalam masa 10 hari bekerja selepas pesanan anda. Bagi memastikan penghantaran tepat pada masanya, kami akan menggalakkan anda untuk menerima panggilan telefon dan permintaan integrasi daripada Vendor dengan segera.</p>

Soalan	Jawapan
	<p>Jika anda tidak menerima panggilan telefon daripada Vendor atau tidak menerima Soundbox selepas melengkapkan langkah 1 dan 2 di atas, sila hubungi Vendor untuk mendapatkan bantuan:</p> <p>Perkhidmatan Pelanggan Naga Plus Resources Nombor Perhubungan: +6017 8692 638 Waktu Operasi: 9 pagi-6 petang (Isnin hingga Ahad) E-mel: soundbox@nagaplus.my</p>
<p>Apa yang termasuk dalam pakej penghantaran? Apakah yang perlu saya lakukan selepas menerima pakej tersebut?</p>	<p>Anda akan menerima barangan yang berikut dalam pakej:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Peranti Soundbox + Standee (dicetak dengan pelekat Kod QR Maybank) x 1 unit ● Kabel Pengecas USB Soundbox x 1 unit ● Panduan Pengguna Soundbox <p>Jika anda memesan Soundbox dengan Kad SIM, Kad SIM akan disertakan dalam pakej.</p> <p>Untuk mula menggunakan Soundbox buat kali pertama, sila rujuk Panduan Pengguna untuk menyediakan peranti anda.</p>
<p>Adakah Soundbox memerlukan sambungan Internet?</p>	<p>Ya, sambungan Internet diperlukan. Anda boleh menyambungkan Soundbox ke Internet melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● -Wi-Fi; atau ● Data rangkaian mudah alih (dengan Kad SIM) <p>Untuk mengetahui cara menyambungkan Soundbox anda ke Internet, sila rujuk panduan pengguna Soundbox yang disediakan.</p>
<p>Adakah Kad SIM disertakan sebagai sebahagian daripada pembelian peranti Soundbox?</p>	<p>Tidak. Kad SIM ialah item tambahan dalam pilihan pakej Soundbox. Anda boleh memilih pakej pada aplikasi MAE. Kad SIM didayakan dengan pelan data satu tahun.</p> <p>Sebagai alternatif, anda boleh membeli Kad SIM anda sendiri daripada pembekal rangkaian mudah alih tempatan.</p>
<p>Mengapakah lampu kuning Soundbox terus berkelip?</p>	<p>Lampu kuning yang berkelip menandakan bahawa bateri adalah lemah. Sila cas semula peranti secepat mungkin.</p>
<p>Bolehkah saya memainkan semula pengumuman transaksi terakhir pada Soundbox?</p>	<p>Ya. Anda boleh berbuat demikian dengan menekan butang pengedaran (“☺”).</p>
<p>Bagaimanakah cara menukar bahasa Soundbox?</p>	<p>Tidak, anda tidak boleh menukar bahasa Soundbox setelah dibeli.</p>
<p>Bolehkah saya memindahkan Soundbox saya kepada pihak ketiga? Atau bagaimanakah saya menukar “Merchant ID”?</p>	<p>Tidak, Soundbox tidak boleh dipindah milik dan anda tidak boleh menukar “Merchant ID” .</p>
<p>Bolehkah saya menggunakan Soundbox untuk pembekal perkhidmatan QR DuitNow yang lain?</p>	<p>Soundbox hanya serasi dengan Maybank QRPay. Ia tidak boleh digunakan untuk pembekal perkhidmatan QR DuitNow yang lain.</p>
<p>Adakah terdapat perlindungan jaminan untuk Soundbox?</p>	<p>Ya. Terdapat jaminan perkakasan sehingga 12 bulan dari tarikh pembelian. Jaminan tidak melindungi kerosakan fizikal yang timbul daripada:</p>

Soalan	Jawapan
	<ul style="list-style-type: none"> Kelembapan atau penembusan cecair Haus dan lusuh, kerosakan yang timbul daripada kejatuhan, penyalahgunaan peranti, dsb. Campur tangan tanpa kebenaran seperti pembaikan atau pengubahsuaian yang dilakukan oleh pihak yang tidak dibenarkan. <p>Kami menggalakkan anda untuk menghubungi Vendor bagi mendapatkan bantuan berkaitan butiran lanjut jaminan.</p>
<p>Bagaimanakah cara untuk saya menuntut jaminan?</p>	<p>Untuk membuat tuntutan jaminan, sila hubungi Vendor:</p> <p>Perkhidmatan Pelanggan Naga Plus Resources Nombor Perhubungan: +6017 8692 638 Waktu Operasi: 9 pagi-6 petang (Isnin hingga Ahad) E-mel: soundbox@nagaplus.my</p> <p>Jika Soundbox anda layak mendapat jaminan, Vendor akan memenuhi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> pengambilan peranti yang rosak; dan penghantaran unit baharu dalam masa 14 hari bekerja selepas menerima peranti yang rosak
<p>Soundbox saya tidak berfungsi. Apa yang mungkin menyebabkan hal ini?</p>	<p>Antara kemungkinan mengapa Soundbox tidak berfungsi:</p> <p>Kehabisan bateri</p> <ul style="list-style-type: none"> Lampu merah menandakan bahawa bateri tiada cas. Sila cas semula Soundbox anda dengan segera. Anda boleh terus menggunakan Soundbox semasa bateri sedang dicas semula Lampu penanda akan bertukar hijau apabila Soundbox dicas sepenuhnya <p>Terputus sambungan daripada sambungan Internet</p> <ul style="list-style-type: none"> Semak sama ada sambungan Internet anda berfungsi dan stabil Mulakan semula Soundbox anda dengan menekan dan menahan butang "Kuasa". Sambung semula Soundbox anda ke Internet
<p>Saya masih menghadapi masalah dengan Soundbox saya. Apa patut saya buat?</p>	<p>Sila hubungi Vendor untuk mendapatkan bantuan:</p> <p>Perkhidmatan Pelanggan Naga Plus Resources Nombor Perhubungan: +6017 8692 638 Waktu Operasi: 9 pagi-6 petang (Isnin hingga Ahad) E-mel: soundbox@nagaplus.my</p>
<p>Bolehkah saya memulangkan Soundbox untuk bayaran balik jika saya tidak menggunakannya lagi?</p>	<p>Soundbox tidak boleh dipulangkan, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh dipindah milik setelah ianya dibeli.</p>